From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 19 April, 2022 4:01:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
CC: Staf - Pesara UUM
Subject: CEKAP URUS KEWANGAN JAMIN KEUTUHAN UNIVERSITI

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 APRIL 2022 / 17 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohamad Nizwan Awang
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

CEKAP URUS KEWANGAN JAMIN KEUTUHAN UNIVERSITI



UUM ONLINE: Pendedahan tatacara pengurusan kewangan dan struktur tadbir urus universiti membolehkan operasi pusat pengajian dapat berjalan dengan lancar.

Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah berkata, pendedahan itu secara tidak langsung dapat membantu pusat pengajian bergerak selari dengan hasrat universiti dalam memastikan agenda Pelan Strategik Universiti Tahun 2022 dapat direalisasikan dengan jayanya.

Menurutnya, pengurusan kewangan amat penting di dalam mana-mana organisasi kerana kecekapan dalam menguruskan kewangan dengan berkesan menjamin keutuhan dan kejayaan sesebuah organisasi.

"Dalam keadaan sumber kewangan kita yang agak terhad ketika ini, segala perbelanjaan hendaklah dibuat secara berhemah di samping mematuhi segala peraturan dan prosedur kewangan yang ditetapkan.

"Justeru, marilah kita bina dan genggam tangan erat-erat dan membimbing antara satu dengan yang lain dan pimpin yang mana perlukan pimpinan untuk melaksanakan amanah besar ini demi kelangsungan anak bangsa kita," katanya pada Majlis Berbuka Puasa UUM CAS Bersama Naib Canselor Sempena Bengkel Pemantapan Pengurusan UUM CAS di EDC-UUM, semalam.

Haim Hilman berkata, beliau yakin dengan kepimpinan semua Dekan akan dapat menggerakkan pusat pengajian masing-masing untuk menjadi yang terbaik.

Ujarnya, elakkan salah guna kuasa, salah laku dan pembaziran, sebaliknya tingkatkan integriti dan amanah semasa melaksanakan tugas.

Tambah beliau, bekerjalah dengan sepenuh hati serta keikhlasan. Insya Allah, segala sumbangan yang diberikan pasti dihargai oleh pihak universiti dan paling penting adalah mendapat keberkatan Allah.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor UUM CAS merangkap Pengarah Bahagian Perancangan Korporat, Prof. Madya Dr. Mazni Omar berkata, bengkel yang diadakan itu bertujuan sebagai panduan menjadi sebuah organisasi yang amanah, berintegriti, akauntabiliti dan telus dalam melaksanakan tugas.

Menurutnya, setiap keputusan yang diambil itu kelak adalah berteraskan rundingan dan permuafakatan yang dicapai bersama.

“Semoga ilmu tadbir urus dapat dimanfaatkan dan semoga semua warga UUM CAS komited, bersatu hati, berfikiran positif serta berganding bahu dalam memacu agenda universiti tanpa mengenal erti penat atau putus asa dalam memastikan kecemerlangan UUM," katanya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed; Penolong Naib Canselor UUM COB merangkap Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan, Prof. Dr. Mohd Amy Azhar Mohd Harif; Penolong Naib Canselor UUM COLGIS merangkap Pengarah Pejabat Pengurusan Risiko, Prof. Dr. Nuarrual Hilal Md Dahlan, Dekan-dekan, Pengarah Akademi STEM UUM dan staf UUM CAS.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not

relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.